



KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN SYARAT TAMBAHAN PENGIMPORAN TERNAKAN LEMBU DARI THAILAND

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Susulan dari laporan penemuan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD) yang dilaporkan di Thailand, pihak DVS telah mengambil pendekatan untuk meningkatkan kawalan biosekuriti dalam memastikan haiwan yang di import ke Malaysia bebas dari sebarang penyakit. Berikut adalah syarat tambahan yang telah dikeluarkan oleh DVS yang perlu dipatuhi oleh pengimport di Malaysia:

- I. Pengimport perlu mengemukakan sijil kesihatan veterinar dari DLD dengan menyatakan haiwan tersebut dari wilayah yang bebas penyakit LSD;
- II. Ternakan yang di import ke Malaysia telah menjalani pra Kuarantin di pusat Kuarantin di Thailand selama 28 hari sebelum di eksport ke Malaysia;
- III. Ternakan yang di import adalah sihat dan tidak menunjukkan sebarang gejala penyakit. Tanda klinikal yang boleh ditemui pada badan haiwan sekiranya mendapati berpenyakit LSD adalah seperti terdapat nodul-nodul di seluruh badan ternakan atau pembekakan nodul limfa. (sila rujuk lampiran untuk diagram ringkasan penyakit LSD oleh World Organisation Animal Health-OIE);
- IV. Sijil Kesihatan Veterinar dari DLD perlu dilampirkan bersama salinan pengesanan virus LSD;
- V. Setibanya di Malaysia, ternakan perlu menjalani Kuarantin di stesen Kuarantin MAQIS selama 28 hari. Ternakan akan dilepaskan pada hari ke 29 sekiranya tiada tanda-tanda klinikal atau ujian pengesanan penyakit adalah negatif.

4. Untuk makluman pihak tuan/puan, syarat tersebut akan berkuatkuasa serta merta di pintu masuk Malaysia. Syarat pengimportan yang sedia ada semakan 24 Julai 2019 masih kekal berkuatkuasa. Untuk semakan syarat pengimportan yang sedia ada sila rujuk kepada pautan berikut (http://www.dvs.gov.my/dvs/resources/user_1/DVS%20pdf/SQIE/2019/08.09_2019_protokolthailandcattle_all_time.pdf). Pihak pengimport dinasihati untuk patuh kepada syarat keperluan pengimportan yang telah ditetapkan oleh DVS. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada skie@dvs.gov.my

Sekian untuk makluman dan perhatian tuan, terima kasih.

'PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menandatangani amanah,


(DATU. DR. NORLIZAN BIN MOHD NOOR)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Malaysia.



- Sk:
- 1)Ketua Pengarah MAQIS.
 - 2)Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Veterinar.
 - 3) Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan.
 - 4) Pengarah Kanan BKPBV.
 - 5) Ketua Seksyen Perkhidmatan Import/Eksport.



SENARAI EDARAN

1. Pengurus Projek
Dagang Net technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5, The Horizon bangsar South, No 8, Jalan Kerichi, 59200 Kuala Lumpur
redzuan@dagangnet.com; noraihan@dagangnet.com
2. Presiden
Malaysian Freight Forwarders Association (MAFFA)
No 3-13A, Jalan Batu Nilam 16, Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor
doyanbenjamin@gmail.com
vijay@maffa.org
3. Presiden
Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA)
No 23, Jalan Cemerlang, 4200 Pelabuhan Klang, Selangor
tony@saffla.com
alvinchua@saffla.com

